


# PANDUAN GALERI

30 JANUARI SEHINGGA 28 OGOS 2016



**FROM  
THE  
STACKS**

Highlights  
of the  
National Library

**PAMERAN ANJURAN**



**National Library**  
Singapore

## Pengenalan

Penubuhan perpustakaan pertama di Singapura berkait rapat dengan bapa pemodenan Singapura iaitu Stamford Raffles (1782 – 1826). Beliau membayangkan Singapura bukan sekadar menjadi sebuah pusat komersil yang makmur malahan sebagai pusat tumpuan pembelajaran dan seni.

Usul penubuhan sekolah pertama olehnya turut mengandungi rangka tindakan perpustakaan, muzium dan media cetak. Sekolah tersebut yang dikenali sebagai Institusi Singapura telah ditubuhkan pada tahun 1823. Perpustakaan yang merupakan sebahagian daripada sekolah tersebut (1823 – 1843) kemudiannya menjadi Perpustakaan Singapura (1844 – 1874) yang juga bangunan perpustakaan yang pertama.

Perpustakaan tersebut diubah menjadi Perpustakaan Raffles (1874 – 1958) dan semasa penjajahan Jepun dinamakan semula sebagai Syonan Totsyokan (1942 – 1945). Pada tahun 1960, perpustakaan tersebut diiktiraf sebagai Perpustakaan Negara.

Sepanjang tempoh lebih kurang 180 tahun, koleksi bahan-bahan bacaan perpustakaan telah nyata sekali bertambah menerusi perolehan perpustakaan mahupun milikan pengumpul lain dan lebih-lebih lagi menerusi sumbangan yang membolehkan wujudnya arkib bahan bercetak dan primer yang amat bernilai bagi tujuan penyelidikan dan kajian berkaitan Singapura dan Asia Tenggara.

Koleksi terpilih milik Perpustakaan kini dipamerkan disini, membuka peluang kepada kita untuk memahami kepelbagaian aspek Singapura dahulu.




Cap perpustakaan yang lama

## Akhbar Pertama

Akhbar pertama yang diterbitkan di Singapura ialah *Singapore Chronicle*. Akhbar berbahasa Inggeris tersebut merupakan keluaran pemerintah kolonial menerusi syarikat percetakan pertama di Singapura iaitu Mission Press. *Singapore Chronicle* hanya memiliki mesin percetakannya sendiri pada tahun 1830. Chronicle bermula pada tahun 1824 dan kekal sebagai satu-satunya akhbar di Singapura sehingga tahun 1835 kerana beberapa faktor.

Ketika itu, teknologi percetakan di Singapura masih belum berkembang dan satu-satunya syarikat percetakan berskala besar adalah Mission Press. Keduanya, pada tahun 1823, undang-undang sekatan yang dikenali sebagai "Gagging Act" telah diperkenalkan di Singapura yang melarang penerbitan bahan bercetak tanpa kebenaran dan semakan oleh pihak berkuasa British. Walaupun tidak dikuatkuasakan sepenuhnya, gabungan kekurangan sumber dan sekatan percetakan telah membantutkan penerbitan akhbar lain sehinggalah undang-undang sekatan tersebut dimansuhkan pada 1835.

Pemansuhan "Akta Sekatan" 1823 telah menyebabkan akhbar Chronicle gulung tikar. Rentetan daripada persaingan sengit antara akhbar-akhbar lain seperti Singapore Free Press dan Mercantile Advertiser yang ditubuhkan pada 1835, akhbar Chronicle menamatkan terbitan pada tahun 1837. Akhbar Singapore Free Press pula telah dijenamakan semula sebagai Straits Times; salah satu sumber berita utama Singapura. Akhbar-akhbar dalam pelbagai bahasa turut diterbitkan seperti *Sin Chew Jit Poh* 星洲日报 yang diterbitkan pada tahun 1845 dan Jawi Peranakan, akhbar berbahasa Melayu yang diterbitkan pada 1876. Akhbar berbahasa Tamil Tamil Murasu turut diterbitkan sekaligus meluaskan pasaran pembaca.



*Singapore Chronicle dan Pendaftaran Perdagangan*  
(Januari-Disember 1833)

Singapura: Singapore Chronicle Press, 1833

Akhbar Chronicle memaparkan senarai harga terkini barangan tempatan dan yang diimport serta senarai import dan eksport perdagangan masuk dan keluar Singapura, seperti di bahagian kiri, berperanan menunjukkan rekod perdagangan yang maju di awal Asia Tenggara selain daripada menerbitkan semula berita daripada Eropah dan kawasan serantau.

Sebahagian komoditi yang diimport ke Singapura pada tahun 1833 termasuklah sutera, kandi gula, debu emas, pelbagai minuman keras, buku, sapu tangan kapas Perancis, kulit kerbau dan daging masin. Barangan yang dieksport termasuklah timah, rotan, bir, candu, sagu dan teh, peralatan tembikar, kertas menulis dan sutera dari negara China.


## **Kehidupan Peribadi Raffles**

Sumber sejarah Singapura moden diperolehi daripada biografi Stamford Raffles (1781 – 1826), nota-nota catatan dan surat-surat yang diutuskan Raffles kepada sahabat dan penyokongnya. Raffles merupakan seorang penulis surat prolific dan kebanyakan penerima suratnya merupakan individu yang berpengaruh. Oleh itu, rantaian surat-surat tersebut menjadi sumber dasar untuk tujuan penyelidikan.

Perpustakaan Negara telah memperolehi sebahagian kecil surat yang ditulis oleh Raffles dan kenalan rapatnya. Kebanyakan daripada surat tersebut menumpukan kepada kerjaya beliau dan sejumlah kecil merupakan surat peribadi yang mendedahkan dirinya yang tidak diketahui khalayak umum.

Pada tahun 1819, Stamford telah terbaca tulisan Henry Colburn (1816) yang secara tersirat menyatakan bahawa beliau dilantik sebagai Penolong Setiausaha kepada Kerajaan Kepulauan Putera Wales lanjutan daripada perkahwinannya dengan Olivia Mariamne Devenish (1771 – 1814). Olivia dikatakan mempunyai hubungan dengan William Ramsay, setiausaha Syarikat Hindia Timur. Keadaan tersebut mengakibatkan Stamford menulis surat ini kepada sepupunya iaitu Reverend Dr Thomas Raffles menjelaskan fitnah yang tersebar dan menekankan bahawa kejayaan kerjayanya adalah daripada hasil usahanya sendiri.

Surat tersebut merupakan satu-satunya percubaan Stamford untuk menulis sebuah autobiografi. Surat tersebut



Surat Stamford Raffles kepada Reverend Dr Thomas Raffles  
Thomas Stamford Raffles (1781 – 1826)

Di Lautan, 14 Oktober 1819  
Koleksi Dr John Bastin



mengandungi maklumat terperinci berkenaan perkembangan kerjayanya selain mengimbau kehidupan awal yang sederhana. Stamford terpaksa berhenti daripada meneruskan persekolahan menjelang usia 14 tahun dan bekerja sebagai kerani Syarikat Hindia Timur. Sungguhpun begitu, beliau berusaha gigih dan berjaya mendalami bahasa Perancis, bidang sastera dan sains dengan sendiri.

## **Pemetaan Bandar**

Antara koleksi penting yang dimiliki Perpustakaan Negara berkaitan sejarah Singapura termasuklah peta. Peta digunakan berabad-abad lamanya untuk tujuan perancangan atau panduan pengembara dari satu tempat ke tempat yang lain. Peta kontur ini digunakan semasa pelaksanaan tugas oleh individu.



Peta kontur bandar Singapura yang dilukis tangan David B. McLay

Singapura, 1929  
Sumbangan Koh Seow Chuan

Peta kontur mengandungi kawasan topografi yang menunjukkan garisan dongakan sama amat penting untuk tujuan kejuruteraan dan pembinaan. Peta ini merupakan dokumen kerja yang didraf oleh jurutera kolonial Majlis Perbandaran. Majlis ini bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan awam seperti air, elektrik, gas, jalan, jambatan dan lampu jalan. Jurutera Majlis pada ketika itu ialah David B. McLay. David merupakan seorang jurutera ketika tiba di Singapura pada tahun 1919 dan menyertai Majlis Perbandaran pada Oktober 1923 sebelum berhenti pada tahun 1930.

Peta ini dilukis bagi tujuan perancangan jalan – jalan lingkaran dicadangkan untuk mengurangkan kadar kesesakan lalu lintas dari pusat bandar. Peta tersebut dilukis tangan di atas linen menjadikannya tahan lebih lama berbanding kertas. Jalan baru yang dicadangkan ditandakan merah tua – meliputi kawasan pinggiran bandar. Kelebaran jalan baru tersebut turut dinyatakan – masing-masing 60 atau 80 kaki (18.3 meter atau 24.4 meter). Jalan utama sedia ada di kawasan bandar turut ditandakan dalam peta dengan batu tanda berangka besar. Namun begitu, pejabat

pos awam (kini Hotel Fullerton) yang merupakan titik sifar tidak ditandakan. Sistem perparitan adalah mustahak untuk pembinaan jalan, oleh itu pelbagai sistem perparitan turut ditandakan di atas peta.

Peta tersebut turut menunjukkan pelencongan trek keretapi – dengan cadangan pelencongan ditandakan dengan garis putus-putus. Trek Jalan Tank ke Bukit Timah telah dimansuhkan pada 1936-1937. Satu lagi elemen menarik yang dapat ditemui dalam peta tersebut ialah had pelabuhan untuk sungai-sungai seperti Singapura dan Kallang.

## **Kamus Melayu**

Asia Tenggara telah dikunjungi para pedagang sejak berabad lalu. Kebolehan untuk bertutur dengan masyarakat tempatan amatlah penting untuk menjalankan aktiviti perdagangan. Bahasa Melayu merupakan bahasa perantaraan maritim Asia Tenggara oleh itu tidak hairanlah senarai kata dan kamus dwibahasa digunakan untuk membantu pembelajaran bahasa Melayu. Orang Cina dipercayai telah mencipta senarai kata pertama yang disusun sebelum ketibaan Portugis ke Melaka pada abad ke-16. Bagi orang Eropah pula, senarai kata Melayu-Itali susunan Antonio Pigafetta sekitar tahun 1521 dipercayai merupakan senarai kata pertama, yang kemudiannya diteruskan oleh pengembara dan sarjana Belanda.

Kamus ini merupakan kamus Inggeris-Melayu terawal diterbitkan pada tahun 1701 oleh pedagang Inggeris bernama Thomas Bowrey (1650 – 1713). Kata pengantar kamus tersebut menjelaskan bahawa kamus tersebut diadakan berdasarkan pengalaman Thomas memandu arah dan berdagang selama 19 tahun di negara-negara “Malayo” sekitar tahun 1670 sehingga 1680. Thomas mendapat inspirasi untuk menulis kamus tersebut memandangkan tiada kamus seumpamanya dan beranggapan kamus tersebut akan mendatangkan manfaat kepada pedagang lain.

Penerbitan 594 halaman tersebut mengandungi entri sebanyak 475 muka surat. Kamus tersebut dibahagikan kepada bahagian Inggeris-Melayu dan Melayu-Inggeris dengan bahagian pertama mempunyai 100 halaman lebih daripada bahagian kedua. Kesemua entri disusun



*Kamus – Inggeris dan Malayo, Malayo dan Inggeris*

Thomas Bowrey  
London: Sam Bridge for Author, 1701

mengikuti abjad mengikuti huruf kedua. Thomas telah mencipta sistem romanisasinya sendiri untuk entri bahasa Melayu. Oleh itu, sebahagian ejaan mungkin kelihatan sedikit janggal pada pembacaan moden. Thomas tidak memasukkan ejaan padanan jawi dalam kamus tersebut dan ini telah mengundang kritikan oleh sebahagian sarjana kira-kira seabad kemudian. Namun begitu, sesungguhnya kamus Thomas ini melambangkan usaha awal yang terulung dalam penerbitan kamus dwibahasa.



Peta daripada *Kamus – Inggeris dan Malayo, Malayo dan Inggeris*

Thomas Bowrey  
London: Sam Bridge for Author, 1701

Selain daripada kamus, Thomas turut memasukkan dua seksyen peraturan tatabahasa dan contoh ayat, dialog juga surat. Dialog tersebut memudahkan pemahaman penggunaan kata dalam konteks dan memuatkan contoh dialog untuk diingati oleh pelajar.



华夷通语 (*Hua yi tong yu*)  
Lim Kong Chuan

Singapore: Koh Yew Hean, 1883  
Koleksi Ya Yin Kwan, sumbangan oleh Tan Yeok Seong

Kamus awal ini mengajar bahasa Melayu dengan menyuaipadankan karakter Cina dengan sebutan perkataan Melayu. Kamus ini ditulis oleh Lim Kong Chuan untuk komuniti berdialek Min Selatan atau Hokkien atau Teochew di Singapura. Edisi pertamanya diterbitkan pada 1877 sebagai *Tong yi xin yu* oleh syarikat penerbitan Lim sendiri iaitu Koh Yew Hean Press. Dalam kata pengantarnya, Lim menyatakan bahawa edisi baru yang diterbitkan pada 1833 merupakan edisi yang ditambahbaik dan menekankan kepentingan mempelajari Bahasa Melayu untuk tujuan perdagangan di rantau ini.

Kamus ini mengandungi lebih daripada 2800 entri dan dibahagikan berdasarkan kategori seperti geografi, angka, pekerjaan dan haiwan. Bagi mendapatkan sebutan kata Melayu yang lebih tepat, pembaca dinasihatkan untuk menggunakan dialek Quanzhou atau Zhanghou seperti ditandakan dengan tanda segitiga atau koma atas masing-masing. Dialek Zhanghou ang me adalah seakan-akan dialek Teochew. Tanda bulat menandakan kata tersebut hendaklah disebut secara lisan berbanding ejaannya. Bahagian lain kamus tersebut membahagikan entri berdasarkan jumlah karakter Cina yang diperlukan untuk menyebut kata Melayu. Ini kemudiannya diikuti dengan senarai kata kerja dan kata sifat.

## **Kisah Zaman Pendudukan**

Permulaan Perang Dunia Kedua merupakan titik perubahan sejarah kepada negara di dunia. Di Tanah Melayu, tempoh tersebut merupakan zaman peperangan penuh kekacauan dan huru-hara dan seterusnya pendudukan Jepun (Februari 1942 – September 1945). Malangnya, hanya sebilangan kecil rekod rasmi peperangan wujud lantaran pemusnahan kebanyakan rekod bertulis pihak British dan Jepun oleh tentera Jepun pada penghujung peperangan. Paling nyata adalah kekurangan rekod maklumat tahanan perang yang ditahan di Changi serta sebelum dan selepas peperangan sekaligus menyukarkan anggaran kematian rakyat akibat pendudukan Jepun.

Walau bagaimanapun, Perpustakaan mempunyai koleksi penerbitan dan dokumen yang jarang ditemui yang sedikit sebanyak memberikan pencerahan berkenaan zaman penjajahan dan kesannya daripada perspektif berbeza – Jepun, tempatan dan British.

“Syonan” bermaksud “selatan yang gemilang” adalah nama yang diberikan Singapura kepada Jepun semasa peperangan dan “Syonan Shimbun” merupakan akhbar dan lidah rasmi Kerajaan Jepun semasa penjajahan Tanah Melayu. Shimbun yang beroperasi di pejabat Straits Times diedarkan ke seluruh Tanah Melayu.

Akhbar harian tersebut boleh didapati pada harga lima sen senashkah (dalam matawang penjajah dikenali sebagai Nota Bank Pembangunan Selatan) dan menerbitkan perkembangan peperangan harian terutamanya berita positif berkenaan kekuatan tentera Jepun dan pakatan Paksi di



*Syonan Shimbun*

Singapura: Syonan Shimbun-kai,  
20 Februari – 31 Disember 1942



serantau dan luar negara dan berita negatif berhubung tentera Perikatan.

Selain daripada berita, Shimbun turut digunakan sebagai platform untuk menyebarkan mesej Empayar Jepun berkenaan Kawasan Persemakmuran Bersama Asia Timur Raya, konsep yang diperkenalkan untuk menyatukan Asia Timur dan Oseania di bawah pendudukan Empayar Jepun dan bebas daripada pengaruh Barat. Sebahagian propaganda ini boleh didapati pada halaman ini bertarikh 15 Februari 1942 sempena ulang tahun pertama Pendudukan Jepun di Singapura. Naskhah ini memaparkan artikel sambutan kejayaan tentera Jepun ke atas tentera British dan membandingbeza peperangan merebut Singapura dengan kejayaan pencerobohan tentera Jerman ke atas wilayah Dunkirk pada tahun 1940.



Sir Miles Christopher Dempsey, 1945

Daripada Koleksi Museum Perang Imperial, London

Singapura telah diserahkan semula secara rasmi kepada pihak British dengan menandatangani Dokumen Penyerahan di Bangunan Munisipal (kini Dewan Bandaraya) pada 12 September 1945. Sungguhpun penjajahan telah tamat, penderitaan belum berakhir. Diari ini bersama-sama entri dari 8 Ogos 1945 sehingga 21 April 1946 mendedahkan kisah yang belum pernah dilihat daripada sudut logistik dan politik sekitar penjajahan semula wilayah kolonial selepas peperangan.

Diari kepunyaan Jeneral Sir Miles Christopher Dempsey (1896 – 1969), yang menjadi inspirasi penamaan Bukit Dempsey, merupakan pemimpin operasi ketenteraan British selepas peperangan

untuk mendapatkan kembali Tanah Melayu dan Jawa daripada tentera Jepun yang telah menyerah kalah. Diari tersebut mengandungi rekod pelbagai isu kendalian Sir Miles semasa pendudukan dan pembangunan semula industri dan infrastruktur di Tanah Melayu dan Jawa. Kita juga berpeluang untuk mengimbas hari-hari terakhir Jepun menyerah kalah secara rasmi. Bermula daripada operasi bom atom digerakkan, Perikatan telah merancang untuk menduduki semula wilayah di Eropah, Afrika Utara dan Asia sekiranya tentera Jepun menyerah kalah. Kita dapat melihat beberapa hari sebelum penyerahan rasmi dibuat, Sir Miles telah bersiap siaga untuk mengatur kedudukan sebaik menerima arahan.

## **Dua Kisah Klasik Melayu**

Kisah Sejarah Melayu dan Hikayat Abdullah merupakan dua teks Melayu yang telah menjadi kajian pelajar sastera di Singapura dan Malaysia sejak sekian lamanya.


Pihak British menerapkan kedua-dua kisah ini sebagai kurikulum sekolah sejak dari penghujung abad ke-19.

Teks Sulalat al-Salatin atau lebih dikenali sebagai Sejarah Melayu mengandungi cerita mengenai kebangkitan dan kejatuhan Kesultanan Melaka dan berkemungkinan telah ditulis pada pertengahan abad ke-16.

Hikayat Abdullah pula yang diterbitkan pada tahun 1849 telah ditulis oleh Abdullah bin Abdul Kadir (1797[?] – 1854) di luar persekitaran istana. Hikayat ini dijadikan memoir dan Abdullah telah menulis berkenaan landskap sosio-politik Singapura, Melaka serta kesultanan Johor dan Riau-Lingga pada permulaan abad ke-19. Abdullah telah mengajar Bahasa Melayu kepada pentadbir kolonial dan mubaligh serta merupakan penterjemah dan perintis pencetak Melayu.

Sehingga ke hari ini, kedua-dua teks ini masih lagi dikaji dan diterjemah oleh para sarjana dan kekal relevan buat Singapura memandangkan teks ini mengisahkan berkenaan sejarah awal kita.

The Sulalat al-Salatin atau dikenali sebagai Sejarah Melayu mengisahkan berkenaan kebangkitan dan kejatuhan Kesultanan Melaka yang berkemungkinan ditulis sekitar pertengahan abad ke-16. Naskhah ini merupakan teks terjemahan pertama ke Bahasa Inggeris oleh John Leyden (1775 – 1811) yang diterbitkan selepas kematiannya pada 1821. John merupakan pemuisi Scotland yang mempunyai kebolehan menguasai pelbagai bahasa. Beliau mula menunjukkan minat untuk mendalami Bahasa Melayu semasa di India, setahun sebelum ketibaannya di Pulau Pinang pada tahun 1805. Ramai sarjana British mengenali teks sastera ini menerusi teks terjemahan yang dibuat John. Tajuk Sejarah Melayu dalam Bahasa Inggeris iaitu “Malay Annals” yang dipelopori oleh John kini digunapakai secara meluas. *Hikayat Abdullah* diterbitkan pada 1849 ditulis oleh Abdullah bin Abdul Kadir (1797[?] – 1854). Hikayat ini bertujuan menjadi sebuah memoir dan beliau menulis berkenaan landskap sosio-politik Singapura, Melaka dan Kesultanan Johor dan Riau-Lingga pada permulaan abad ke-20. Abdullah telah mengajar



*Sejarah Melayu*, dengan pengenalan oleh Sir Stamford Raffles  
John Leyden

London: Longman, Hurst, Rees, Orme & Brown, 1821



*Hikayat Abdullah*  
Abdullah bin Abdul Kadir

Singapura: Mission Press, 1849  
Sumbangan oleh Reveren George Frederick Hose

Bahasa Melayu kepada pentadbir kolonial dan mubaligh serta merupakan penterjemah dan perintis pencetak Melayu.

Abdullah bukan sekadar menulis teks tersebut, malahan menghasilkannya dalam tulisan tangan sebelum diterbitkan ke bentuk litografi. Jolokan “bapa percetakan Melayu” yang diberikan kepada Abdullah amatlah bertepatan memandangkan memoirnya diiktiraf sebagai antara penerbitan yang terulung pada ketika itu. Abdullah mempelajari ilmu percetakan semasa

berada di Melaka daripada mubaligh Walter Medhurst (1796 – 1857). Naskhah ini merupakan salah satu salinan terhad yang diterbitkan dengan nota yang ditujukan kepada Governor Butterworth (1801 – 1856); suatu dedikasi khusus dipohon oleh Butterworth. Buku ini disudahi dengan gabungan tenaga Reverend Benjamin Keasberry yang mengusahakan percetakan mubaligh.

Sungguhpun Abdullah digelar sebagai tali barut British oleh pengkritiknya, sara hidupnya yang bergantung kepada bekerja untuk pihak Eropah perlulah diambilkira. Dalam teks Hikayat, Abdullah telah mereka kaedah untuk melontarkan pandangan kritikal kepada pihak berkuasa sama ada Melayu atau British. Apabila perbandingan dibuat antara hasil karya yang dicetak dan salinan manuskrip, didapati bahawa Reverend Benjamin telahpun memadamkan sebahagian kritikan yang dibuat oleh Abdullah terhadap British.

## **Al-Quran Terbitan Singapura**

Pada penghujung abad ke-19, Singapura telah menjadi pusat tumpuan penerbitan Muslim serantau. Terbitan-terbitannya diedarkan ke seluruh kepulauan Melayu. Penerbitan ini adalah istimewa kerana antara naskhah terawal ini masih lagi wujud. Turut disebut dalam naskhah tersebut adalah diterbitkan di Lorong Masjid Sultan, Kampong Gelam. Maklumat percetakan, nama penyalin dan pencetak serta tarikh penerbitan boleh didapati dalam tulisan jawi pada bahagian kolofon (ruang penerbit) di akhir buku. Penyalinnya ialah Tengku Yusof bin Tengku Ibrahim dari Terengganu; pencetaknya ialah Haji Muhammad Nuh bin Haji Ismail of Juwana; dan Al-Quran tersebut dicetak pada 13 Rejab 1286 Tahun Hijrah bersamaan 19 Oktober

1869. Al-Quran ini merupakan hasil percetakan Muslim pertama di Singapura.

Tradisi manuskrip memainkan peranan penting pada peringkat awal percetakan Muslim. Litografi kebiasaannya menghasilkan semula format manuskrip dan membolehkan salinan dibuat pada kadar yang lebih murah. Sebagai penghargaan terhadap tradisi ini, buku bercetak terawal kerap kali menyebut nama penyalin. Penyalin Tengku Yusof bin Tengku Ibrahim dari Terengganu merupakan salah seorang daripada dua penyalin yang bekerja di Singapura pada lewat abad ke-20.

Percetakan buku Muslim terawal didominasi oleh pengusaha berketurunan Jawa dan bertumpu di kawasan Kampong Gelam. Pencetak Al-Quran ini iaitu Haji Muhammad Nuh bin Haji Ismail dari Juwana (kampung di pantai utara Jawa) merupakan salah seorang yang terpenting. Lorong Masjid Sultan lokasi terletaknya kedai percetakan beliau merupakan lorong sehalu dengan Masjid Sultan. Kedai percetakan lain turut terletak di kawasan strategik ini. Berhampiran masjid ini merupakan tempat tumpuan pelanggan yang berpotensi – sama ada yang menunaikan solat Jumaat mahupun jemaah ke Makkah.

Seakan-akan Al-Quran dari Terengganu, kotak teks ini dihiasi dengan garis segi empat dan lengkungan yang meliputi garisan bersambung di bahagian luar kotak. Terdapat juga garisan hiasan pada bahagian luar teks yang mengarah ke lengkungan berhias. Annabel Gallop, seorang sarjana manuskrip Melayu menamakan hiasan ini sebagai kesan “stalagmit-stalaktit”. Walaupun garis luar berhias dan teks al-Quran ini dicetak, warna-warnanya dihasilkan dengan tangan. Warna kuning berkemungkinan diimitasi daripada warna emas. Al-Quran ini walaupun dicetak di Singapura, namun direka untuk menyerupai Al-Quran seperti dari Terengganu.



**Tengku Yusof bin Tengku Ibrahim of Terengganu (penyalin)**

Kampong Gelam, Singapura: Haji Muhammad Nuh bin Haji Ismail dari Juwana, 1869  
Sumbangan oleh Farish Noor

Memandangkan Al-Quran dari pantai timur Tanah Melayu (Terengganu, Kelantan and Patani) mendapat permintaan yang tinggi, menjadi satu keuntungan untuk mengusahakan penjualan Al-Quran yang mempunyai pasaran yang meluas.



## Taat Setia Kepada Golongan Diraja

Pada 3 Disember 1869, para pedagang Cina di Singapura telah mengangkat sumpah taat setia kepada Putera Alfred (1844 – 1900) dari Edinburgh semasa resepsi di Bangunan Kerajaan. Wakil mereka ialah Encik Tan Kim Ching (1829 – 1892), seorang pemimpin dan Konsul Siam.

Putera Alfred merupakan putera kedua Permaisuri Victoria, kerabat diraja British pertama yang melawat rantau ini. Ucaptamanya menyentuh mengenai kesetiaan pedagang Cina kepada Permaisuri dan menghargai kerajaan British yang membolehkan mereka untuk terus makmur di pulau tersebut.

Lawatan diraja ini dan seterusnya telah disambut dengan gilang-gemilang. Bagi para pedagang Cina, lawatan ini merupakan peluang terbaik untuk membuktikan kemakmuran komuniti Cina di Singapura. Manakala bagi British di Singapura, lawatan diraja ini beserta upacara iringan seolah-olah mengingatkan rakyat tempatan bahawa sebuah empayar yang gagah sedang memerintah mereka. Bukti taat setia kepada Diraja telah dilaksanakan di Singapura sehinggalah awal abad ke-20.

Perutusan ini telah ditulis dalam bahasa Inggeris dan Cina menggunakan dakwat emas di atas sutera pada sebelah halaman dan halaman belakang merupakan pemandangan indah Singapura yang menunjukkan kawasan Telok Ayer di tengahnya. Pemandangan ini merupakan salinan lukisan minyak oleh artis Percy Carpenters bertajuk "Singapura dari Gunung Wallich", dihasilkan pada tahun 1856.



Perutusan kepada Putera Alfred, Duke of Edinburgh

Singapura: 25 November 1869

Sumbangan oleh Geoffrey Edwards

Beberapa tokoh pedagang Cina yang terkenal, termasuklah Tan Kim Ching, Hoo Ah Kay (juga dikenali sebagai Whampoa, 1816 – 1880) dan Cheang Hong Lim (1825 – 1892), telah diiktiraf sedemikian oleh kerajaan British. Sebaliknya, di negara China sendiri, cendekiawan atau golongan pujangga secara tradisi dianggap sebagai pemimpin



masyarakat. Di Singapura, pedagang Cina yang kaya yang mahu diterima sebagai pemimpin masyarakat hendaklah bersemangat kemasyarakatan dan membuat kerja-kerja amal memandangkan nilai-nilai ini amatlah dihargai.



Dokumen ini adalah unik berikutan seramai 79 pedagang terpenting pada masa itu yang disenaraikan. Para pedagang utama disenaraikan pada bahagian terawal dokumen. Kerajaan British kolonial kerap kali memberikan layanan yang lebih baik kepada golongan pedagang berbanding ahli masyarakat yang lain memandangkan pedagang-pedagang ini membantu mengalakkan pertumbuhan ekonomi di wilayah jajahan. Oleh itu, para pedagang ini menerima layanan istimewa. Malahan sebahagian daripada pedagang ini turut dilantik untuk berkhidmat dalam majlis perundangan atau perbandaran atau diberikan jawatan sebagai Jaksa Pendamai. Beberapa pedagang yang terkenal seperti Tan Kim Ching, Hoo Ah Kay (atau Whampoa, 1816 – 1880) dan Cheang Hong Lim (1825 – 1892) telah diiktiraf sedemikian oleh kerajaan British. Ini berbeza dengan keadaan di negara China di mana hanya sarjana atau golongan terpelajar yang diangkat sebagai pemimpin. Di Singapura, pedagang Cina yang kaya-raya dan mahu diterima menjadi pemimpin masyarakat perlu bercampur dengan pelbagai peringkat masyarakat dan membuat kerja-kerja amal memandangkan nilai-nilai seperti ini amatlah dititikberatkan.

### **Lagu Kanak-Kanak Berbahasa Inggeris Dengan Sentuhan Bahasa Melayu**

Ramai antara kita yang mengetahui dengan lagu kanak-kanak berbahasa Inggeris seperti 'Baa, Baa, Black Sheep' atau 'Hickory, Dickory, Dock'. Dalam edisi kedua-duanya, Arthur Wedderburn Hartwig Hamilton (1887 – 1967) telah menterjemah lagu-lagu ini dan pelbagai lagu lain kepada Bahasa Melayu. Walaupun beliau masih mengekalkan irama Inggeris lagu-lagu tersebut, Arthur telah menterjemahkan puisinya ke cara yang dirasakan mempunyai sentuhan bahasa Melayu dan peribahasanya.

A. W. Hamilton merupakan anak kepada seorang penjawat awam perkhidmatan awam India yang dilahirkan di India pada tahun 1887. Beliau tiba di Tanah Melayu semasa berusia 22 tahun dan berkhidmat dengan pasukan polis sehingga bersara pada tahun 1931. Beliau telah ditempatkan di beberapa kawasan di Semenanjung Tanah Melayu termasuklah Pulau Pinang, Alor Setar dan Melaka. Latar belakangnya yang berhubung rapat dengan orang dan tempat di Tanah Melayu membolehkannya menterjemahkan lagu kanak-kanak berunsurkan kemelayuan.

Buku Lagu Kanak-Kanak Melayu merupakan buku pertama terbitan Arthur pada tahun 1923. Naskhah yang anda lihat disini hanya dicetak 16 tahun kemudian pada tahun 1939. Buku ini merupakan edisi dwibahasa yang telah ditambahbaik. Buku ini mengandungi lebih kurang 100 lagu kanak-kanak dengan 29 ilustrasi – sebahagiannya adalah berwarna – oleh Puan Nora Hamerton. Imej yang mengiringi lagu-lagu tersebut turut berkisar mengenai penduduk Tanah Melayu pada ketika itu.



Buku Lagu Kanak-Kanak Melayu oleh Haji

A. W. Hamilton  
Singapore: Printers Limited, 1939

## **Kisah Klasik Cina Versi Melayu Baba**

Kaum Peranakan atau Baba merupakan komuniti Cina yang berkembang di Kepulauan Melayu. Bahasa mereka, Melayu Baba, merupakan bahasa Melayu dengan pengaruh dialek Hokkien.

Sam Kok merupakan terjemahan popular salah satu karya klasik Cina yang agung – Kisah Romantis Tiga Empayar – oleh penulis abad ke-14 iaitu Luo Guanzhong. Terjemahan Sam Kok dan pelbagai novel sejarah Cina popular yang lain merupakan



hasil sastera utama kaum Peranakan Cina. Genre sastera jenis ini dikenali sebagai chrita dahulu-kala, dengan penerbitan pertama pada tahun 1889.

Kemunculan chrita dahulu-kala pada lewat abad ke-19 boleh dilihat pada konteks identiti komuniti Baba. Pada masa ini, komuniti semakin didedahkan dengan budaya Cina dan Inggeris. Ketibaan sejumlah besar pendatang daripada negara China mengakibatkan komuniti Baba lebih berhati-hati untuk terlibat dalam budaya Cina dan Melayu. Sebelum lewat abad ke-19, komuniti Peranakan terbabit dalam tradisi sastera lisan dan manuskrip Melayu. Genre Chrita dahulu-kala merupakan genre baru dengan bahasa Melayu digunakan untuk menekankan identiti Cina. Pada ketika ini juga, bahasa Melayu semakin dipinggirkan oleh orang Inggeris sebagai bahasa ibunda Peranakan. Persekitaran kepelbagaian bahasa yang kompleks ini digambarkan dalam Sam Kok – novel popular dalam bahasa Cina yang diterjemahkan ke bahasa Melayu Baba dan dicetak dalam skrip Inggeris Latin.

Chan Kim Boon (1851 – 1920) telah menterjemahkan Sam Kok dalam bentuk siri berjumlah 30 jilid yang diterbitkan antara tahun 1892 sehingga 1896. Setiap jilid Sam Kok dimulai dengan pengenalan olehnya. Chan mungkin juga memasukkan surat peminatnya, puisi dan penjelasan perkataan diikuti dengan ilustrasi watak utama dan cerita sepenuhnya. Cerita ini diselang-selikan dengan ilustrasi pemandangan yang hampir sama dengan ukiran kayu tradisi Cina. Antara fakta menarik mengenai karya Sam Kok oleh Chan adalah interaksi antara pembaca dan penterjemah. Dalam mukadimah, Chan telah berkongsi aspek kehidupan keluarganya, kerjayanya dan beberapa gambar. Beliau turut memuatkan maklum balas positif jilid terawal. Persekitaran pelbagai bahasa dalam komuniti Peranakan dapat dilihat jelas tergambar menerusi surat kiriman peminat karyanya yang ditulis dalam bahasa Cina, Melayu Baba atau Inggeris.



*Chrita dahulu-kala, namanya Sam Kok Atau, Tiga Negeri Ber-prang: Siok, Gwi, Sama Gor di Jaman 'Han Teow' , (Jilid. I, III, V, XII, XV, XXX)*

Chan Kim Boon  
Singapura: Kim Sek Chye Press, 1892 – 1896

Chan menggunakan nama pena Batu Gantong yang juga merupakan nama tanah perkuburan di Pulau Pinang, berkemungkinan menggambarkan hasrat tempat persemadian pilihannya.